

07/02/2000

Usah guna nama pemimpin atasan: Abu Hassan

Mohd Fadzil Abd Aziz

SEMENYIH, Ahad - Ahli Umno yang akan bertanding merebut jawatan pada pemilihan parti Mei ini, diingatkan jangan menggunakan nama pemimpin tertinggi bagi meraih sokongan.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata gejala itu tidak seharusnya berlaku kerana boleh merosakkan parti serta menjejaskan kepercayaan rakyat.

Sambil meminta ahli Umno memilih pemimpin yang ikhlas dan berwibawa, beliau berkata, setiap pemilihan perlu dijalankan secara adil serta mengikut peraturan dan perlembagaan parti.

"Sejak awal lagi sudah dijelaskan, proses pemilihan ditentukan oleh ahli sendiri dan jangan sekali-kali menggunakan nama pemimpin parti untuk mendapatkan undi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Umno bahagian Hulu Langat di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu ahli Umno yang bertanding pada pemilihan akan datang supaya melakukannya secara tertib dan bersopan tanpa menggunakan wang.

Perhimpunan Agung Umno akan diadakan selama tiga hari bermula 11 Mei, manakala mesyuarat Pemuda dan Wanita pada 10 Mei. Cawangan-cawangan Umno pula diberi tempoh enam minggu bermula 16 Januari lalu untuk mengadakan mesyuarat diikuti persidangan peringkat bahagian.

Mengulas kemungkinan calon menggunakan wang bagi memancing undi, Abu Hassan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, ahli Umno perlu bersatu tenaga memerangi gejala itu.

Beliau berkata, ahli Umno perlu bijak dan matang membuat penilaian terhadap jenis pemimpin yang diperlukan untuk masa depan dan yang penting ialah bersatu dan taat untuk memperjuangkan falsafah parti.

(END)